

21 FEB 1998

LEAD Howard-Batal

HOWARD TANGGUHKAN LAWATAN KE MALAYSIA EKORAN KRISIS IRAQ

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Australia John Howard membatalkan lawatan rasmi tiga harinya ke Malaysia mulai esok ekoran krisis Iraq.

Howard memaklumkan sendiri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi telefon pagi ini bahawa beliau telah menangguhkan lawatan itu.

"Dia telefon tadi dan meminta supaya ditangguhkan lawatannya...dia kata ada masalah di Australia berkenaan dengan penyertaan Australia dalam pergerakan di Iraq," katanya kepada pemberita hari ini selepas menghadiri majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baru Cina Jabatan Perdana Menteri di Kelab Bukit Perdana di sini.

"Sebab itu dia kata dia mesti berada di Australia untuk buat apa-apa keputusan," katanya.

Howard memberitahu satu sidang berita di Sydney bahawa sungguhpun kesal tetapi Dr Mahathir faham dengan keadaan itu.

Howard berkata beliau kesal dengan pembatalan itu kerana beliau berhasrat untuk menyampaikan sendiri pendapat kerajaan Australia bahawa ia yakin dengan usaha yang diambil Malaysia untuk menangani masalah ekonominya.

Ketika menjelaskan keputusannya membatalkan lawatannya ke Malaysia dan Papua New Guinea, Howard berkata: "Kini agak jelas kepada saya bahawa keputusan penting berhubung pembabitan tentera Australia dalam tindakan ketenteraan terhadap Iraq mungkin perlu diambil minggu depan dan saya tidak mahu kemungkinan keputusan itu perlu diambil ketika ketiadaan saya di Australia."

Ketika ditanya bentuk tindakan yang perludiambil, Howard berkata pertamanya ialah sama ada usaha keamanan selanjutnya tidak akan membawa makna jika misi diplomatik Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan gagal.

"Keduanya ialah kemungkinan pembabitan tentera Australia di lam tindakan ketenteraan," kata Howard yang berharap untuk menjadualkan semula lawatannya ke Malaysia pada tarikh yang terdekat.

Australia telah berjanji untuk menyumbangkan 250 anggota tenteranya kepada sebarang serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq berikutan keengganan Presiden Saddam Hussein untuk membenarkan pemeriksa senjata PBB memeriksa semua kawasan yang disyaki menjadi tempat simpanan senjatanya.

Australia telah menghantar 110 anggota pasukan Perkhidmatan Udara Khas (SAS) ke Kuwait, bersama dua buah pesawat Boeing 707 untuk tujuan mengisi minyak di udara. Pasukan itu masih belum menerima kelulusan untuk terlibat secara aktif di dalam tindakan ketenteraan.

Howard dijadualkan tiba malam esok untuk lawatan rasmi pertama beliau ke Malaysia sejak menjadi Perdana Menteri Australia pada Mac 1996.

Beliau dan Dr Mahathir bertemu tidak lama selepas pemilihannya apabila Dr Mahathir singgah di Australia ketika dalam perjalanan pulang dari New Zealand selepas menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel.

Dr Mahathir hari ini berkata bahawa hubungan Malaysia-Australia kini semakin baik dan beliau menjangkakan ia akan terus meningkat.

Antara bidang kerjasama yang akan dibincangkan ialah perniagaan dan perdagangan di samping hasrat Australia yang mahu lebih rapat dengan rantau Asia.

Bendera-bendera Australia telah digantung menghiasi jalan-jalan raya di

Kuala Lumpur sempena lawatan Howard itu.

Satu misi perdagangan yang terdiri daripada kira-kira 40 ahli perniagaan Australia diketuai oleh Majlis Perniagaan Australia-Malaysia (AMBC) turut dijadualkan menyertai rombongan Howard.

Presiden AMBC Paul McClintock dan pengarah urusannya Paul Gallagher sibuk menghubungi anggota-anggota misi itu untuk memaklumkan mereka mengenai pembatalan itu.

Paul Gallagher kini sedang berada di Kuala Lumpur bagi membuat persiapan untuk misi berkenaan. Kira-kira 30 wartawan Australia turut dijadualkan mengiringi Perdana Menteri mereka.

McClintock berkata beliau kecewa tetapi memahami keputusan Howard untuk membatalkan lawatan itu.

"Howard menelefon saya dan melahirkan perasaan kesalnya dengan pembatalan itu. Kami memahami sebab pembatalan itu," kata McClintock kepada Bernama.

"Kami berharap ia dapat dijadualkan semula secepat mungkin kerana sambutan anggota-anggota kami terhadap lawatan itu sangat positif dan memberangsangkan."

-- BERNAMA

NDC/MAM MZ RON